



DATUK ABDULLAH

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KETUA UMNO BAHAGIAN DICALON SEMULA

BUTTERWORTH, Rabu — Kira-kira 30 Cawangan UMNO di Kepala Batas di sini mencalonkan semula Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, sebagai Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas dalam mesyuarat perwakilannya bulan depan.

Setiausaha UMNO Bahagian itu, Encik Mohamed Noor Ahmad memberitahu hari ini Datuk Abdullah diduga akan menang tanpa bertanding dalam mesyuarat tersebut.

Katanya, Datuk Abdullah selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang dan ahli Parlimen kawasan Kepala Batas sekarang ini mendapat sokongan semua Cawangan UMNO Bahagian itu.

Sementara itu Ketua Bahagian Permatang Pauh, Datuk Haji Mohamed Abu Bakar, dan Ketua Bahagian Mata Kuching, Datuk Haji Ibrahim Abul Razak akan mendapat tentangan dari muka-muka baru.

Kira-kira 150 Cawangan UMNO seluruh Seberang Perai sedang mengadakan mesyuarat agung masing-masing dan akan selesai akhir bulan ini. — Bernama.